

**Sambutan 'Raja dan Rakyat Berpisah Tiada'
Utusan Online
22 April, 2012**

KUALA LUMPUR 21 April - Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah berkenan berangkat menyaksikan persembahan kesenian 'Raja dan Rakyat Berpisah Tiada' yang dianjurkan sempena sambutan pertabalan Seri Paduka sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14.

Majlis yang diadakan di Dataran Merdeka di sini malam ini, bermula dengan perarakan diraja.

Tuanku Abdul Halim dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah diarak dari dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menuju ke pentas diraja didahului barisan panglima serta disusuli seekor gajah yang merupakan kenderaan darat raja-raja zaman dahulu.

Ia sebagai imbauan semula adat istiadat raja-raja berangkat dari istana bertemu rakyat seperti yang tercatat dalam manuskrip Melayu lama.

Sejurus sahaja tiupan tetuang dibunyikan, Seri Paduka dan Tuanku Hajah Haminah berangkat tiba di pentas diraja dan serentak dengan itu lagu *Negaraku* dimainkan oleh pancaragam Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Hadir sama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman serta barisan menteri.

Segmen Menjunjung Duli dimulakan dengan persembahan seni mempertahankan diri daripada silat cekak Hanafi, silambam dan wushu diikuti segmen Sumpah Taat Setia.

Segmen berkenaan diketuai Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim yang melafazkan warkah sumpah taat setia rakyat yang berbunyi:

"Ampun tuanku, patik-patik sekalian rakyat Malaysia merafakkan sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah sempena pertabalan Seri Paduka Baginda Tuanku sebagai Yang di-Pertuan Agong XIV serta berikrar untuk taat setia demi agama, bangsa dan negara. Ampun Tuanku."

Warkah berkenaan memberi maksud yang tersirat bahawa rakyat terus mendukung dan akan mempertahankan institusi raja berperlembagaan.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0422&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_02.htm